

PM rasmi bangunan baru Kedutaan Malaysia di Jerman

MAR 20 2002

BERLIN 19 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan bangunan baru Kedutaan Malaysia di Jerman yang bertempat di Klingelhofstr.6, di sini hari ini.

Beliau tiba di ibu negara baru Jerman ini dari Munich, ibu negeri Bavaria tengah hari ini. Ibu negara Jerman dipindah dari Bonn ke Berlin dua tahun lalu.

Berlin dulu adalah ibu negara Jerman Timur sehingga negara itu berpisah semula dengan Jerman Barat pada 1990.

Dr. Mahathir yang pernah melawat Berlin pada 1988 berkata, bandar raya

ini kelihatan semakin maju dan menarik sejak Tembok Berlin yang memisahkan dua negara bersaudara itu dirobohkan.

Esok beliau akan di bawa melawat ke beberapa tempat menarik di bandar raya kosmopolitan ini, termasuk Galeri Sebelah Timur, iaitu sebahagian Tembok Berlin yang masih dikekalkan sepanjang 1.3 kilometer.

Tidak lama selepas dirobohkan pada 1990, sebanyak 118 pelukis dari 21 negara dunia telah dipanggil untuk mengabadikan karya mereka pada tembok yang kemudian dinamakan Galeri Sebelah Timur itu. — *Utusan*